



Gotong-Royong 2.0 Madani SMKSS dan UPM

PERSATUAN Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Serdang (SMKSS) dengan kerjasama pentadbiran sekolah, ibu bapa dan Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar Universiti Putra Malaysia mengadakan

Gotong-Royong Madani 2.0 di sekitar sekolah terbabit, kelmarin.

Program itu memfokuskan aktiviti mengecat beberapa bangunan di sekitar sekolah bertujuan menceriakan suasana sekali gus mewujudkan persekitaran selesa

dan kondusif kepada pelajar.

Seramai 50 sukarelawan dari Kelab INSAN UPM turut menyumbang tenaga dalam program tersebut.

Yang Dipertua PIBG sekolah tersebut, Noor Mohamad Shakil Hameed menzahirkan

ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat, termasuk Pengetua SMKSS.

■ **NOOR Mohamad** (tengah) bergambar bersama peserta Gotong-Royong Madani 2.0 di SMKSS, kelmarin.